

**SPESIFIKASI PIAWAIAN DAN GRED CEMPEDAK**  
**Standard FAMA FS036 - 2006**

**1. SKOP**

Spesifikasi piawaian dan gred ini adalah untuk buah Cempedak atau nama botaninya *Artocarpus champeden* Spreng dari keluarga Moraceae yang dipasarkan sebagai Cempedak segar.

**2. DEFINASI TERMA**

Bagi tujuan spesifikasi tersebut, terma-terma yang digunakan akan bermaksud:

2.1 Kematangan - terdiri daripada lima(5) indeks kematangan seperti berikut:

- 2.1.1 Indeks 1 – Belum matang. Buah Cempedak kurang 95 hari selepas putik. Tangkai berwarna hijau muda. Keseluruhan permukaan kulit berwarna hijau tua, duri-duri rapat dan tajam. Ulas atau isi buah berwarna putih krim dan bergetah.
  - 2.1.2 Indeks 2 - Matang. Buah 95-110 hari selepas putik. Tangkai buah berwarna hijau muda dengan sedikit kuning. Permukaan kulit berwarna hijau muda, duri-duri mulai lebar. Ulas atau isi buah bertukar ke warna kuning oren dan bergetah.
  - 2.1.3 Indeks 3 – Hampir masak. Buah 100-110 hari selepas putik. Tangkai buah berwarna hijau muda dengan sedikit kuning oren. Permukaan kulit berwarna kuning perang, duri-duri mulai kembang menjadi lebar. Ulas atau isi buah berwarna kuning oren dan sedikit bergetah. Buah mengeluarkan aroma.
  - 2.1.4 Indeks 4 – Masak. Buah melebihi 110 hari selepas putik. Tangkai buah berwarna kuning perang. Permukaan kulit mulai lembut, berwarna perang, duri-duri pendek dan lebih kembang. Ulas atau isi buah berwarna oren dan tidak bergetah. Buah mengeluarkan aroma yang agak kuat.
  - 2.1.5 Indeks 5 – Terlalu masak. Tangkai mulai kecut berwarna perang coklat. Permukaan kulit lembut, lebam dan berwarna perang kehitaman, Ulas atau isi buah berwarna oren keperangan, tekstur menjadi lembik dan berair, melekat dengan empulurnya, rasanya manis dan sedikit masam. Buah mengeluarkan aroma yang kuat.
- 2.2 Kematangan seragam - Konsainan dianggap seragam jika mempunyai satu indeks kematangan atau gabungan indeks yang hampir (seperti indeks 2 dan 3, 3 dan 4, dan sebagainya dalam satu-satu lot.)

- 2.3 Segar - Buah Cempedak yang mempunyai permukaan kulit yang tegar, tidak kecut dan tekstur isi yang pejal (firm).
- 2.4 Kotor - Buah Cempedak yang terdapat kesan-kesan bahan asing yang tidak dibersihkan seperti kesan getah, sarang serangga, tanah, daun mati, rumput, sisa-sisa perosak dan lain-lain bahan asing.
- 2.5 Kecacatan – Buah Cempedak yang mempunyai tanda-tanda yang menjelaskan keseluruhan rupa termasuk kotor, cacat dan cacat rupa.
- 2.6 Cacat - Buah Cempedak yang bentuknya tidak normal atau sempurna sepetimana ciri varietinya seperti bengkok dan berbonggol dan sebagainya dimana kesannya tidak menjelaskan bahagian isi.
- 2.7 Cacat Rupa - Buah Cempedak yang umumnya mempunyai tanda-tanda yang mencacatkan rupa luaran dan tidak menarik seperti berbintik, karat, nyahwarna luar biasa dan kesan parut tetapi tidak menjelaskan menjelaskan isi buah. Kesan ini meliputi lebih 10% pada permukaan kulit buah.
- 2.8 Rosak – Sebarang kecederaan atau kerosakan disebabkan oleh serangga atau haiwan perosak, penyakit dan kecederaan mekanikal pengendalian yang akan menjelaskan jangkahayat, keseluruhan rupa , pemakanan dan kualiti.

### **3. KEPERLUAN MINIMUM**

- 3.1 Agak bebas daripada rosak disebabkan oleh kecederaan mekanikal, perosak dan penyakit.
- 3.2 Agak bersih dan bebas daripada kecacatan dan sesuai untuk dimakan oleh manusia.
- 3.3 Telah mencapai tahap kematangan yang mencukupi (indeks 2, 3 dan 4) seperti yang dikehendaki oleh pasaran.

#### 4. PENGELASAN GRED DAN SAIZ

- 4.1 Buah Cempedak dikelaskan kepada tiga (3) gred, bergantung kepada keadaan dan ciri-ciri gred seperti jadual berikut:-

Gred	Spesifikasi	Kelonggaran (Maksimum)
Premium	Buah Cempedak dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, segar, bersih dan matang. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan < 5 % Segar < 5 % Rosak < 3% Kecacatan < 5% Keseragaman saiz < 5%
1	Buah Cempedak dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, segar, bersih dan matang. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan < 5 % Segar < 5 % Rosak < 5% Kecacatan < 10% Keseragaman saiz < 10%
2	Buah Cempedak dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, segar, bersih dan matang. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan < 10 % Segar < 10 % Rosak < 5 % Kecacatan < 10% Keseragaman saiz < 10%

- 4.2 Bagi buah Cempedak, saiz ditentukan oleh berat dalam unit kilogram (kg) sepermima jadual berikut;

Saiz	Kod	Berat (Kg)
Telalu Besar	XL	> 3.0
Besar	L	> 2.5 – 3.0
Sedang	M	> 2.0 – 2.5
Kecil	S	1.5 – 2.0

## **5. PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN**

### **5.1 Pembungkusan**

#### **5.1.1 Pembungkusan.**

5.1.1 Buah Cempedak daripada gred yang sama hendaklah dibungkus menggunakan bekas yang sesuai supaya dapat memberi perlindungan yang optimum daripada kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.

5.1.2 Kertas atau bahan lain yang digunakan untuk membalut atau mengalas hendaklah bersih dan tidak akan menyebabkan kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.

5.1.3 Berat bersih yang dibenarkan bagi satu unit pembungkusan ialah tidak melebihi 30kg.

#### **5.2 Pelabelan**

Tiap-tiap unit pembungkusan hendaklah dilabel yang mengandungi maklumat berikut:

- 5.2.1 Tarikh
- 5.2.2 Nama/Kod Penanam
- 5.2.3 Nama/Kod Pengeksport
- 5.2.4 No. Kad Pengenalan
- 5.2.5 No. Pendaftaran Syarikat
- 5.2.6 Alamat
- 5.2.7 Komoditi
- 5.2.8 Berat bersih
- 5.2.9 Gred

## **6. PERSAMPELAN**

Bilangan sampel dan kaedah persampelan bagi tujuan pemeriksaan adalah berdasarkan kepada MS 1187 “Method of Sampling For Fresh Vegetables”, atau kaedah statistik yang dipersetujui.

Nota pindaan:

Pengelasan Saiz Limau Langkat/madu

Definasi garispusat Limau Madu, langkat, bali dan buah Tembikai Wangi

% Kesan jarin pada kulit Tembikai Wangi tidak dimasukkan dalam gred